

10 OKTOBER 2023



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



Alhamdulillah, bilangan mualaf semakin bertambah

Bangi: Bilangan mualaf di Malaysia semakin bertambah dan ia perkembangan positif yang perlu dipastikan berterusan serta tidak terhenti. Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, fenomena itu (pertambahan bilangan mualaf) itu adalah disebabkan oleh keindahan Islam dan usaha penerangan berkaitan Islam dari semasa ke semasa yang dibuat oleh pelbagai pihak menggunakan manhaj berkualiti dalam memastikan agama Islam terus berkembang.

"Tahniah dan syabas kepada tuan dan puan yang terus kental jiwa dengan Islam dan semoga berterusan istiqamah bagi meningkatkan usaha untuk menjadi mukalaf terbaik serta mampu memenuhi tuntutan agama selepas melalui fasa mualaf dari semasa ke semasa.

"Apa khabar pula mereka yang direkodkan memeluk Islam di luar sana dan adakah mereka sama seperti tuan dan puan di dalam dewan ini atau sebaliknya?

"Ketahuilah bahawa semua mualaf sama ada yang berada di dalam dewan ini mahupun yang di luar sana, sekiranya tuan dan puan memerlukan sokongan, dokongan mahupun dorongan, ada banyak pihak yang boleh membantu," katanya dalam teks ucapan dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ucapan itu dibacakan sempena Konvensyen Mualaf Madani Peringkat Kebangsaan 2023 di Dewan Datuk Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Kampus Utama Bangi, di sini, hari ini.

Program itu anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kebangsaan, Lembaga Tabung Haji dan Bank Rakyat dengan sokongan Jabatan Agama Islam Negeri (Jain), Majlis Agama Islam Negeri (Main) serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako).

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Ketua Pengarah Jakoa Sapiyah Mohd Nor. Dalam teks ucapan sama, Anwar menyeru golongan mualaf mendapatkan bantuan Jakim, Jain, Main, pertubuhan bukan kerajaan Islam (NGO-I), pemimpin masyarakat dan banyak lagi sekiranya perlu.

Menurut Anwar, ini kerana, Islam amat memberi keutamaan dalam memastikan kebajikan mualaf terjamin sebagaimana diperuntukkan hak zakat kepada mereka.

"Insya-Allah tuan dan puan akan diberi bantuan yang sepatutnya.

"Kerajaan melalui Jakim bersama Jain dan Main sentiasa ingin memastikan mualaf yang ada mampu menjadi mukalaf terbaik dan ia dapat dilihat melalui penganjuran aktiviti yang bermanfaat serta dapat memberi impak terbaik kepada mualaf," katanya.

"Kerajaan juga sentiasa cakna terhadap perkembangan serta kemajuan mualaf dari semasa ke semasa dan mengiktiraf pencapaian yang diperoleh.

"Konvensyen Mualaf Madani Peringkat Kebangsaan pada hari ini adalah satu daripada inisiatif yang dapat dizahirkan yang mana mualaf diberi ruang berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta diiktiraf pencapaian terbaik mereka melalui penganugerahan berdasarkan beberapa kriteria," katanya lagi.

Menurut Anwar, Islam mampu memberi kebahagiaan hakiki kepada setiap insan tanpa mengira kaum sama ada Melayu, Cina, India, Orang Asli atau lain-lain seperti kedudukan sama ada kaya, miskin, berjawatan atau di mana mereka berada melalui panduan lengkap sebagaimana tertera di dalam al-Quran dan hadis.

Beliau berkata, keindahan Islam hanya dapat dirasai sekiranya seseorang itu benar-benar memahami, mengamali serta menghayati setiap kandungan ajarannya yang sejati tanpa bercampur baur dengan fahaman yang boleh mengelirukan serta menjerumuskan kesucian agama Islam kepada bentuk negatif seperti perpecahan, kebencian juga kemunduran.

"Kemampuan untuk memahami, mengamali dan menghayati Islam ini hanya boleh diperoleh melalui ilmu yang utuh yang mana ia mestilah bersumberkan daripada al-Quran serta al-Sunnah.

"Bukan dengan meniti titi yang rapuh serta samar tahap jaminan keselamatan yang mana ia mampu membawa kepada kesesatan," katanya.